

Lahir 130,000 graduan dalam tempoh 32 tahun

Oleh **Mona Ahmad**
mona@bharian.com.my

SEJAK ditubuhkan sebagai Sekolah Pertanian pada 1931, UPM sudah melahirkan 130,000 graduan diploma, ijazah pertama dan siswazah.

Bermula sebagai sebuah institusi kecil, Sekolah Pertanian yang memfokuskan pertanian UPM terus berkembang menjadi sebuah universiti terkemuka di rantau ini dalam melahirkan sumber manusia terdidik dan berkualiti.

Dengan beratus ribu profesional yang berjaya sejak konvokesyen pertamanya, UPM Alumni harus memainkan peranan dalam menyambung

misinya universiti itu mendekati komuniti dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Selain bidang pertanian, UPM kini turut melebarkan ilmunya dalam pelbagai bidang lain termasuk kejuruteraan, perubatan, sains tulen, ekonomi, pengurusan, pendidikan, bahasa, komunikasi dan lain-lain.

Menerusi pangkalan data UPM Alumni, jumlah alumni kini mencecah 45,000 lengkap dengan alamat terkini.

Setiap tahun, UPM melahirkan hampir 800 alumni dan hasil kajian pengesanan graduan yang dimulakan Pusat Alumni mendapati peningkatan peratusan graduan yang mendapat pekerjaan dan

melanjutkan pengajian.

Sejak lima tahun kebelakangan ini, bagi enam bulan pertama pada 2003 hanya 38.5 peratus graduan UPM yang sudah bekerja, jumlah ini meningkat pada 2004 dengan lebih 50 peratus graduan mendapat pekerjaan, manakala tahun lalu saja jumlah terus meningkat sebanyak 56.2 peratus dan jumlah ini dijangka terus meningkat tahun ini. Kajian ini turut dijalankan bagi graduan konvokesyen ke-32.

Hasil kajian juga mendapati bagi tempoh 12 bulan, 61.5 peratus graduan bekerja pada 2003 dan jumlah ini meningkat mencecah 80 peratus pada 2004 dan 84.4 peratus pada 2006. Tahun lalu pula, jumlah

terus meningkat dengan mencatatkan 82.6 peratus graduan yang bekerja dalam tempoh 12 bulan.

Peningkatan yang sama dilihat dalam aspek penyambungan pengajian dengan hanya lapan peratus graduan yang berminat menyambung pengajian ke peringkat siswazah pada 2003 dan ia terus meningkat pada 2006 dengan 13 peratus, manakala tahun lalu jumlahnya mencecah 14 peratus yang menyambung pengajian ke peringkat Bachelor, Master dan PHD.

Bilangan alumni yang ramai menjadi petanda bahawa sesebuah institusi itu berjaya mengeluarkan sumber manusia terlatih dan

berpendidikan tinggi.

Penubuhan Chapter Antarabangsa UPM adalah sejajar dengan pengambilan pelajar antarabangsa sejak 1981 dan kini 52 negara sudah menghantar pelajar meneruskan pengajian di universiti itu.

Menerusi penubuhan Chapter Antarabangsa di Jakarta dan Medan, masing-masing di Indonesia pada 26 Mei tahun lalu, UPM berkeyakinan penuh bahawa Alumni antarabangsa adalah penyumbang kepada kecemerlangan universiti di peringkat global.

Di samping berpeluang menjadi duta UPM, graduan keluaran universiti itu mampu mempromosi dan memperka-

sa ilmu pelbagai bidang yang diterokai dari UPM. Sehingga kini, UPM mempunyai seramai 1,322 alumni antarabangsa.

Sebagai sebuah institusi yang mempunyai aspirasi tinggi iaitu menjadi hub pendidikan tinggi di peringkat dunia, UPM mempunyai tanggungjawab besar menyediakannya alumni/graduannya untuk kehidupan dan dunia pekerjaan yang pantas berubah dengan pelbagai cabaran yang semakin kompleks.

Perkongsian ilmu dengan pelajar antarabangsa dapat memudahkan pembelajaran dan peningkatan ilmu daripada rakan sebaya, merentasi institusi, disiplin, komuniti, budaya dan benua.